

PERUTUSAN PERDANA MENTERI MELALUI RADIO/TALIVISYEN MALAYSIA SEMPENA PENUTUP MINGGU BELIA, PADA 30**HB** JULAI, 1971

Saudara-saudara Kaum Belia Malaysia,

Saya sukacita kerana diberi kesempatan berucap kepada belia-belia di seluruh negara bersempena dengan Minggu Belia yang akan berakhir besuk. Sebagaimana yang sedia dimaklum, 31hb Julai sudahpun ditetapkan beberapa lama dulu sebagai Hari Belia Negara dan sejak dari tahun lalu had ini diperingati sebagai Hari Pahlawan.

Sesungguhnya saya melihat ada jalinan dan hubungan kedua-dua hari yang bersempena ini. Terutamanya sebahagian terbesar dari pahlawan-pahlawan negara yang telah memberikan setinggi-tinggi pengurbanan mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara adalah dari golongan belia. Mereka pergi meninggalkan kaum keluarga dan sanak saudara buat selama-lamanya semasa umur mereka masih muda. Jadi, sangatlah tepat kata-kata "Pemuda Pahlawan Bangsa" sebagai lambang kata sebagai mengenang jasa dan bakti mulia mereka itu yang diharap akan memberi semangat dan perangsang kepada kaum belia dan jenerasi-jenerasi akan datang.

Pada kesempatan ini saya ingin memusatkan perhatian kaum belia seluruhnya kepada tema Minggu Belia tahun ini iaitu pembangunan negara dengan hakikat mendirikan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Sidang Dewan Rakyat pada 19hb Julai telahpun menerima dan meluluskan dengan sebulat suara Rancangan Malaysia Kedua, iaitu rancangan yang membawa nada pembangunan baru dan mencerminkan keazaman Kerajaan yang saya pimpin menghadapi cabaran tahun-tahun tujuh puluhan dan mengwujudkan sebuah negara yang moden, makmur dan maju.

Seperti yang saya terangkan pada masa-masa lepas, Rancangan Malaysia Kedua ini adalah yang pertama dari beberapa rancangan berikutnya yang digubal dan disusun berdasarkan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Segala strateginya, keutamaannya serta matlamatnya bulat-bulat menuju kepada cita-cita memupuk perpaduan

rakyat dan membimbing mereka kepada zaman baru yang membawa kemakmuran dan keadilan. Perkara yang mustahak dilngati semua ialah kejayaan rancangan inilah yang akan menentukan untung nasib bangsa dan negara kita di masa akan datang.

Kerajaan sedar dan insaf bahawa kejayaan kita melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua ini bergantung banyak pada sambutan dan kerjasama rakyat, terutama sekali golongan belia. Salah satu masalah berat yang dihadapi Kerajaan hari ini ialah pengangguran, terutama di kalangan belia-belia lepas sekolah, baik yang tamat mahupun yang terkandas setengah jalan. Oleh itu, boleh dikatakan pengangguran adalah bulat-bulat masalah belia khususnya kerana bilangan mereka yang berumur dari limabelas hingga dua puluh empat tahun merupakan 25% dari jumlah rakyat seluruhnya. Jalan yang terbuka kepada kita untuk mengatasi masalah ini ialah melalui pembangunan dalam erti kata mengekalkan pertumbuhan ekonomi sambil menjamin pembahagian kekayaan dengan lebih adil dan saksama.

Seperti yang saya katakan semasa membuka Seminar Pembangunan Pemuda UMNO baru-baru ini, saya ingin melihat "penyakit" pembangunan itu merebak luas di kalangan kaum belia. Oleh kerana itu saya menggesa kaum belia khasnya supaya menganggap Rancangan Malaysia Kedua ini sebagai satu peluang keemasan kepada mereka untuk turut serta bersama-sama dalam proses pembangunan bangsa, membentuk dan mendirikan satu masyarakat Malaysia yang moden dan dinamis. Dengan lain-lain perkataan, mereka boleh berbangga kerana diberi peluang menempa sejarah pembangunan secara besar-besaran yang belum pernah dilakukan sehingga kini. Menurut projection bagi tempoh 1971-1975, peluang-peluang pekerjaan baru akan diadakan untuk 120,000 orang setiap tahun, meliputi semua bidang ekonomi seperti lapangan perdagangan, perindustrian, perusahaan pertanian dan lain-lain.

Kaum belia sekalian mestilah berani tampil ke hadapan menyambut cabaran untuk berbakti kepada bangsa dan negara samada tenaga mereka diperlukan oleh bidang Kerajaan ataupun bidang swasta. Janganlah hendaknya mereka semata-mata berharap pada pekerjaan-pekerjaan yang senang, di bandar-bandar besar di mana kehidupan adalah lebih lumayan.

Negara kita masih kaya dengan sumber-sumber alam dan bumi yang hijau dengan kayu-kayan. Inilah masanya bagi mereka membuktikan ikrar "Pemuda Pelupur Bangsa" dengan menunjukkan semangat tabah dan cekal, bersedia merempuh hutan belantara untuk membuka kawasan-kawasan baru yang bakal menjadi bandar-bandar pertanian atau agro-ville pada satu masa akan datang.

Ini adalah satu vision tetapi saya percaya apabila ini menjadi kenyataan hasil dari titik peluh pemuda-pemuda hari ini, mereka boleh berbangga sambil merasakan kepuasan hati yang tidak dapat dibandingkan, sama barangkali dengan perasaan orang-orang tua kita di masa lampau membuka perkampungan yang ada hari ini.

Saya rasa kenalah pada tempatnya kaum belia mempopularkan seruan "return to the land"—pulanglah berbakti kepada tanah—bila kita melihat pada kemungkinan-kemungkinan peluang besar yang akan terbuka apabila projek-projek Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan lain-lain lagi dilancarkan. Di kawasan Pahang Tenggara saja, menurut pakar-pakar, terdapat tidak kurang 20% dari ke semua tanah yang sesuai untuk pertanian di Malaysia Barat, dan di sinilah akan terdiri pada satu masa yang tidak lama kelak—barangkali dalam tempuh umur kita—bandar-bandar yang sebuk dan perkampungan-perkampungan baru yang boleh menampung seramai 350,000 orang manusia. Keazaman serta vision inilah hendaknya tersemat di mata hati belia-belia kita semua.

Gambaran yang saya lukiskan tadi akan menjadi khayalan semata-mata kalau kaum belia hari ini tidak menunjukkan kesediaan atau kesanggupan mereka menjadikannya hakikat nyata. Saya sudah seringkali menegaskan betapa perlunya menanamkan semangat berdikari di kalangan belia. Oleh itu, amatlah mustahak bagi mereka menerima hakikat dan keadaan hari ini serta bersiap sedia untuk merebut peluang-peluang yang akan terbuka kepada mereka seluas-luasnya kelak. Pemimpin-pemimpin gerakan belia hendaklah berusaha lebih giat lagi memberikan panduan dan bimbingan kepada rakan-rakan mereka dalam context pembangunan, meskipun ini tidaklah bermakna mengenyepikan kegiatan-kegiatan lain di lapangan sosial dan kebudayaan.

Satu faktor yang maha penting untuk menjamin kejayaan ialah disiplin diri—dan ini boleh dipenuhi kalau kita sentiasa mengingat serta mengamalkan Rukunegara. Prinsip-prinsip Rukunegara adalah bertujuan menjadikan tiap-tiap seorang kita manusia yang sempurna dalam erti kata rohani dan jasmani terutama pemuda-pemudi yang bakal mengambil alih pimpinan bangsa dan negara pada satu hari kelak. Di sinilah terletak kekuatan dan ketahanan sesuatu bangsa, terutama bagi kita yang masih berada dalam proses membangun.

Sebagai tauladan kita melihat kebangkitan semula negara Jepun dan Jerman Barat, walaupun kedua-dua negara itu mengalami pahit maung kekalahan perang dunia kedua dahulu. Hari ini kedua-dua negara itu merupakan raksaksa di bidang perindustrian dan teknologi moden. Kita di Malaysia sedang melalui proses pembangunan bangsa, yang berjalan menurut corak dan cara kita sendiri. Tetapi selagi kita mempunyai keyakinan teguh atas kebolehan kita, dan yang lebih penting, asal saja kaum belia kita sanggup menghadapi cabaran-cabaran di hadapan mereka, cita-cita murni hendak membentuk masyarakat Malaysia baru—a new breed of Malaysians—pasti akan tercapai.

Saya sudahi dengan harapan semuga Minggu Belia ini meninggalkan kesan-kesan yang baik kepada kaum belia semua di samping membawa pengalaman-pengalaman dan pengajaran-pengajaran yang bermanfaat kepada mereka, yang mendorong ke arah kemajuan yang meningkat lebih tinggi lagi pada masa hadapan.

Selamat malam.